

# **BAB KEEMPAT**

# BAB KEEMPAT

## PENUTUP

### 4.1 Pendahuluan

Islam adalah dien yang sempurna dan ditasbihkan menjadi sebuah agama yang *rahmah li al-'alamīn*. Kesempurnaan tersebut ditopang oleh pedoman hidup bagi penganutnya yang secara langsung mendapatkan jaminan keontetikan dari Allah Tabaraka wa Ta'ala sampai akhir zaman. Jaminan kesempurnaan juga diberikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang berperan sebagai Nabi penyampai risalah dengan sifat *sidiq, amanah, faṭānah*, dan *tablīgh* yang senantiasa melekat pada dirinya, sehingga melalui beliau, Islam menjadi sebuah ajaran yang jelas, *syāmil mutakammil* dan mudah untuk dipahami

Selain itu Islam dibangun oleh kekuatan aqidah yang merupakan pondasi dasar untuk penopang berdirinya syariat. Syariat merupakan aturan-aturan yang tercakup di dalamnya ibadah, muamalah, dan ahlak yang bersifat mengikat bagi setiap manusia yang telah menyatakan keimanannya dengan aqidah Islam. Maka memurnikan aqidah menjadi konsekuensi logik dan keniscayaan mutlak untuk terwujudnya penerapan syariat Islam dengan sebenar-benarnya, yang akan membentuk pribadi berkarakter sekaligus menjadi cikal peradaban yang agung.

Hal ini terbukti perjalanan Islam yang sampai sekarang mendekati usia 15 abad telah memunculkan berbagai inspirasi tamadun dunia. Walaupun pelbagai sebab kemudian

menjadikan pasang surut kejayaan yang sentiasa menghiasi setiap perguliran peradaban. Hikmah dari perguliran masa kejayaan peradaban Islam tersebut dapat menambah wacana dan khazanah pembelajaran terutama dalam sejarah tamadun Islam. Seperti halnya adalah masalah banyak bermunculannya kumpulan atau sekte dalam Islam yang mencerminkan perbezaan cara pandang dan cara faham terhadap Islam yang notabene memiliki sumber dan asas undang-undang yang satu. Disertasi ini khusus mengangkat masalah kefahaman terhadap pembahagian *Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah* di kalangan NU dan Muhammadiyah. Hal yang pertama dikaji adalah menjelaskan tentang asas pembahagian *Sunnah* tersebut kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah* dan selanjutnya cuba mengungkap kefahaman mereka kepada hal tersebut serta implikasi dari perbezaan fahaman dikalangan mereka.

#### **4.2 Hakikat Perbezaan**

Hakikat berbeza pendapat dalam Islam harus dijadikan kesedaran untuk menyikapi sebijaksana mungkin, kerana tanpa hal tersebut akan berdampak terhadap melemahnya kekuatan umat. Terlebih ketika tidak ada pembezaan antara masalah *usul* dan *furu'* maka akan dengan mudah antar sesama umat Islam saling menyalahkan, bahkan memberikan label kafir atau bid'ah kepada pihak lain yang dianggap berseberangan, sehingga tidak ada lagi persatuan hati diantara mereka. Padahal perbezaan pendapat dalam Islam sering kali sebenarnya hanya pada persoalan *fiqhiyyah*, yang berkaitan dengan 2 (dua) permasalahan: kewujudan dalil dan pemahaman terhadap dalil. Hal ini kemudian menyebabkan fiqh menjadi "agama" baru bagi sesama pemeluk Islam untuk menjustifikasi kebenaran pendapatnya dan menyalahkan pendapat lain yang tidak selaras.

Fakta tersebut kemudian tersemai subur dan bahkan kekal di kalangan umat disebabkan salah satunya oleh beredarnya ungkapan: “*perbezaan pendapat pada umatku adalah rahmat*” secara meluas di masyarakat, sehingga berbeza pendapat menjadi sebuah hal biasa bahkan dianggap sebagai penambah khazanah dan kekayaan wacana.

Beza pendapat sebenarnya merupakan kewajaran dalam beragama dengan dimensi ruang dan waktu yang berbeza, terlebih keterpautan jarak yang relatif lama dengan Rasulullah s.a.w, namun kita harus mengembalikan kepada asas undang-undang yang paling asasi untuk mendapatkan kebenaran dan keselamatan jalan keluar.

Justeru, yang mesti difahami juga bahawa ikhtilaf bersumber dari sebuah ijtihad yang mesti disertai niat yang lurus. Dalam hal ini, mujtahid yang keliru mendapat satu pahala karena niatnya yang jujur mencari kebenaran. adapun mujtahid yang benar mendapat dua pahala. Kadang kala pihak yang salah juga pantas dipuji atas ijtihadnya bukan atas kesalahannya dan mesti berani untuk kembali kepada pendapat yang benar. Adapun bila ikhtilaf tersebut bermuara kepada perpecahan, tidak syak lagi hal itu tercela. Sementara perpecahan yang tidak berpangkal dari ijtihad atau niat yang tulus, pelakunya sama sekali tidak mendapat pahala bahkan mendapat cela dan dosa. Maka dapat kita katakan bahawa perpecahan itu berpangkal dari bid'ah, menuruti hawa nafsu, taqlid membuta tuli dan kejahilan.

Maka dari itu, NU dan Muhammadiyah sebagai dua organisasi Islam terbesar di Indonesia yang memiliki pengikut dengan jumlah pengikut yang sangat ramai masing-masing puluhan juta. Keduanya mempunyai pengalaman kesejarahan yang sangat kaya dan

proses kristalisasi sejarah semakin menjadikan bahawa NU dan Muhammadiyah sebagai dua organisasi sosial keagamaan yang disegani.

Organisasi yang pertama sering disebut oleh para pengamat sejarah sebagai sebuah organisasi yang mewakili golongan Muslim tradisional, sedang yang kedua sering dikatakan sebagai sebuah pertubuhan yang mewakili kelompok Muslim modernis. kerana kedua-dua organisasi tersebut memiliki jumlah pengikut yang ramai, maka perselisihan pendapat diantara kedua-duanya mesti diminimumkan, supaya peranan mereka dalam menjaga kesetabilan umat Islam dan masyarakat dapat terwujud dengan baik. Kalau tidak, maka perbezaan tersebut boleh menjadi perpecahan antara umat Islam di Indonesia, dan yang akan menanggung kerugian adalah umat Islam itu sendiri.

#### **4.3 Kesimpulan**

1. Kajian ini mendapati bahawa para ulamak berbeza pendapat tentang pembahagian *Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*
2. Para ulama berbeza pendapat tentang pembahagian *Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*. Adapun yang berfaham kepada adanya *Sunnah ghayr tasyrī'iyah* mereka belum sepakat tentang asas pembahagian tersebut, ini kerana tidak adanya istilah tersebut pada masa Nabi s.a.w. dan para Sahabat.

Secara garis besar asas pembahagian *Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah* ialah:

- a. Sumber *al-Sunnah* samada yang diwahyukan oleh Allah swt atau yang diijtihad oleh Nabi s.a.w. Asas inilah yang menjadi sandaran Ibnu Qutaybah dan lain-lain.<sup>1</sup>
- b. Kapasiti Nabi s.a.w. semasa memutuskan sesuatu ketetapan. Ini adalah asas pembahagian yang digunakan oleh al-Qurāfi, Ibn al-Qayyim dan Ibn Asyūr. Menurut mereka ketetapan yang disampaikan oleh Baginda s.a.w. atas kapasitinya sebagai utusan Allah s.w.t. sahaja yang bersifat kekal untuk diterima pakai selama-lamanya. Tetapi sekiranya ketetapan itu diputuskan oleh Baginda atas kapasitinya sebagai pemerintah atau pihak yang membuat keputusan kehakiman, maka menurut mereka keputusan itu hanya boleh diterima pakai apabila pemerintah atau pihak berkuasa pada masa itu memberikan kebenaran dan mahkamah yang mendengar kes berkenaan memutuskannya atau para sarjana pada masa itu mendapati ianya menepati kehendak syari'ah.<sup>2</sup>
- c. Matlamat dan tujuan sesuatu perkara itu disampaikan oleh Nabi s.a.w. Sekiranya ia bertujuan untuk menyampaikan perintah dan ajaran agama, maka ia dianggap ketetapan dan hukum yang kekal. Sebaliknya, jika tidak dimaksudkan untuk tujuan tersebut, maka ia hanya sesuatu ketetapan yang sementara atau dalam hal tertentu, tidak merupakan hukum dan ketetapan sama sekali, tetapi hanya merupakan pandangan dan cadangan daripada Nabi s.a.w. sahaja. Asas ini digunapakai oleh sarjana hukum Islam seperti Sya Wali Allah al-Dahlawī yang berpendapat bahawa hukum yang di bawah kategori "*Mā Sabīluhu Sabīl Tablīgh al-Risālah*" ini merangkumi

---

<sup>1</sup> Ibn Qutaybah (1980), *Op.Cit.*, h.183-185

<sup>2</sup> Al-Qurāfi (t.t.), *Op.Cit.*, h. 205-209; Ibn al-Qayyim (1970), *Op.Cit.*, h. 216-217.

hukum yang diwahyukan oleh Allah swt juga yang diijtihadkan oleh Nabi saw sendiri.<sup>3</sup> Asas ini juga yang digunapakai oleh Rasyīd Riḍa dan Mahmūd Syaltūt. Dalam pembahagian ini, mereka menggunakan istilah “*Mā Kāna Sabīlīhu li al-Tasyrī*” dan “*Laysa min al- Tasyrī*” ada yang bersifat hukum sementara dan ada yang bersifat kekal.<sup>4</sup>

3. Masyarakat yang tergabung dalam Organisasi NU dan Muhammadiyah sama- sama belum mengenal pasti tentang pembahagian *Sunnah* kepada *tasyrī’iyyāh* dan *ghayr tasyrī’iyyah*, walaupun ada dari mereka mengetahui tentang hal tersebut itu hanya kebetulan belaka.
4. Organisasi NU dan Muhammadiyah berkefahaman bahawa di antara *Sunnah* ada yang hukumnya berkekalan selama lamanya dan sebahagian boleh berubah menurut budaya, tradisi serta keadaan semasa dan setempat demi mencapai matlamat- matlamat yang ditentukan dan ditetapkan oleh *syarī’ah* dalam suatu persoalan. Kesemua matlamat ini adalah kekal sifatnya tetapi kaedah yang hendak di gunakan untuk mencapainya perlulah berubah dari satu masa ke satu masa dan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.
5. Terdapat Kesan dari perbezaan fahaman kepada *Sunnah tasyrī’iyah* dan *ghayr tasyrī’iyyah* yang berimplikasi terhadap tatacara amalan beribadah yang boleh menjadi punca dari ikhtilaf dikalangan mereka serta berimplikasi Terhadap Kehidupan bermasyarakat dan Sosial

---

<sup>3</sup> Al-Dahlawi(1355), *Op.Cit.*, juz 1, h. 294-295

<sup>4</sup> Muhammad Rasyid Rida (t.t.), *Op.Cit.*, j. 9, h, 303-304; Mahmūd Syaltūt (1996), *Al-Islam Aqīdah wa Syarī’ah*, c. 3, Beirut: Dar Qalam, h. 508-510

#### 4.4 Saranan dan Cadangan

Untuk memperkecil perbezaan antara Nu dan muhammadiyah, maka pengkaji memberikan saran dan cadangan iaitu:

1. Hendaknya NU dan Muhammadiyah mendirikan satu pertubuhan dakwah secara bersama-sama yang terdiri dari kedua-dua tokoh organisasi dan terjun ketengah-tengah masyarakat memberikan pengajaran tentang pentingnya persatuan umat dan *ukhuwwah Islamiyyah*.
2. Mengadakan *tablīgh akbar* bersama-sama pada hari-hari besar Islam.
3. Melakukan *tau'iyah* kepada para ahli sama ada NU ataupun Muhammadiyah untuk memberikan pengajaran tentang fiqh ikhtilaf dan adab ikhtilaf dalam Islam.
4. Memasukan materi tentang pembahagian *Sunnah* kepada *tasri'iyah* dan *ghayr tasri'iyah*, fiqh ikhtilaf dan adab ikhtilaf di sekolah- sekolah, pesantren-pesantren dan universiti-universiti yang berada di bawah penguasaan mereka.
5. Kepada kedua-dua organisasi sama ada NU mahupun Muhammadiyah menyatukan matlamat perjuangan dari kedua-dua organisasi untuk kemajuan Islam dan kaum Muslimin sama ada di Indonesia mahupun di taraf antarbangsa.